

MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI KE 7 : KEMUNCAK PATERNALISTIC LEADERSHIP DI MALAYSIA

**Lutfan Jaes¹, (Nurul Aimi Razali², Fadillah Ismail³, Zahrul Akmal Damin⁴,
Fauziah Ani⁵)**

^{1,4,5} Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor
lutfan@uthm.edu.my; zahruld@uthm.edu.my; fauziaha@uthm.edu.my

² Calon PhD Sains, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor
aimirazali@yahoo.com

³ Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor
fadillah@uthm.edu.my

ABSTRAK

Penulisan ini cuba memerihalkan tentang Mahathir dan gaya *Paternalistic Leadership* (Kepimpinan Kebapaan) dalam sistem nilai pemerintahan di Malaysia. Ia disusuri melalui pengaruh akal budi tempatan (local wisdom) yang dipercayai membentuk watak kepimpinan Perdana Menteri Malaysia ke 7. Pendirian awal penulisan ini diambil dengan rujukan kajian lepas ketika Mahathir menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia ke 4. Metod penganalisisan adalah analisis kandungan dengan menghuraikan rangkaian teks ucapan dan teks media Mahathir terpilih sekitar 100 hari pemerintahan. Analisis akan melihat nilai *Paternalistic Leadership* dalam kecenderungan nilai “Etika Kerja”, “Perkauman/Kemasyarakatan”, “Orientasi Kuasa” dan “Kekeluargaan”. Keempat-empat nilai ini dipilih kerana sering dibincangkan oleh para sarjana sebagai nilai-nilai yang mendasari gaya kepimpinan di Asia. Pengekodan data akan dilakukan secara manual tanpa perisian khusus. Di akhir penulisan ini, satu penjelasan terhadap aplikasi nilai-nilai paternal (kebapaan) Mahathir dalam pemerintahan akan diperoleh. Kesimpulan, *Paternalistic Leadership* di Malaysia telah mencapai kemuncaknya apabila kemahiran seorang negarawan (*Statesman’s Leadership*) masih di dambakan. Mahathir bukan sahaja membimbing masyarakat yang baru bebas dari penjajahan dan dibawa ke hadapan dengan persediaan mental dan fizikal untuk mendepani cabaran global di abad ke 20 (PM ke 4). Malah kini beliau perlu muncul sekali lagi di abad ke 21 untuk memimpin serta menyambung kerja-kerja yang terkait dengan ketumpulan kepimpinan yang lepas. Paling penting ia terangkum secara tidak langsung dalam akal budi tempatan masyarakat dengan beberapa manipulasi nilai bagi disesuaikan dengan kehendak semasa. Ia dilakukan dengan penuh nilai-nilai paternal (kebapaan) seorang pemimpin.

Kata kunci: Mahathir, Paternal Leadership, Sistem Nilai, Akal Budi Tempatan

PENGENALAN

Mahathir negarawan unggul Malaysia yang berjaya menggerakkan tindakan-tindakan pragmatik dengan gaya kepimpinan dan penerapan nilai berkesan demi mencapai misi dan visi yang dirancang. Kembalinya beliau ke tampuk pemerintahan negara buat kali kedua sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 7 memeranjatkan ramai pihak walaupun ia sememangnya dirancang dan diusahakan oleh Pakatan Harapan. Ia berlaku dengan peralihan kuasa di kerajaan pusat pada 10 Mei 2018 sempena Pilihan Raya Malaysia ke 14. Mahathir dalam perbincangan ilmiah didebatkan sebagai pemimpin yang mengambil semangat demokrasi barat namun pelaksanaannya cukup terbatas mengikut acuan sendiri. Kepimpinannya ketika menjadi Perdana Menteri ke 4 telah membawa masyarakat berkembang maju dari satu tahap ke satu tahap yang lain dengan menggunakan akal budi tempatan (*local wisdom*) tersendiri.

Dalam konteks penulisan ini, akal budi tempatan yang disampaikan oleh pemimpinnya cuba dipanjangkan kepada satu kecenderungan memimpin dengan gaya dan nilai paternal (*kebapaan*) yang merupakan satu prinsipal atau sistem mentadbir atau mengawal sesebuah negara, sekumpulan pekerja dan sebagainya berasaskan kepada hubungan antara ayah dan anak". Paternalisme adalah kepimpinan gaya kebapaan di mana penguasaan yang kuat digandingkan bersama perhatian dan pertimbangan yang adil (Westwood & Chan, 1992).

PERMASALAHAN KAJIAN

Mahathir menjadi Perdana Menteri ke 4 selama dua puluh dua (22) tahun (1981-2003). Tidak ada Perdana Menteri yang lebih lama dari beliau dalam sejarah Malaysia. Memulakan kerjaya sebagai ketua eksekutif kerajaan pada usia 55 tahun sedangkan dianggap calon paling junior dalam senarai calon Perdana Menteri ketika itu. Lorongan kepercayaan yang diberikan oleh Tun Razak dan Tun Hussein pastinya mempunyai hening cipta yang tersendiri tentang bagaimanakah sikap dan kapasiti Mahathir sebagai bakal pemimpin untuk masa depan Malaysia ketika itu. Lalu kejayaan utamanya ialah mengubah landskap ekonomi Malaysia yang berasaskan ekonomi pertanian kepada ekonomi berasaskan industri. Watak *ultra* dan *ekstremis* diberikan kepadanya atas dasar memperjuangkan nasionalis bangsa Melayu. Dari aspek lainnya, beliau digambarkan sebagai diktator dan "autoritarian lembut" oleh pihak yang tidak senang dengan pelbagai keputusan pembangunan dan gaya kepimpinannya. Namun semua ini tidak menghalang beliau untuk terus berkuasa dan menentukan jenis pembangunan yang diimpikan. Malah beliau secara *style* berhenti dari jawatannya setelah merasakan sudah tiba masanya. Tumpuan pemikiran pembangunannya sejak dulu hingga kini dilihat tidak berubah walaupun setelah menjadi Perdana Menteri ke 7. Ia bermula dengan sistem nilai dalam pembinaan tamadun di mana dasar-dasar yang diperkenalkan secara jelas membawa mesej dan menjelaskan pendirian yang menekankan pengurusan pembangunan berdasarkan acuan sendiri. Dasar Pandang ke Timur mengajak rakyat Malaysia menyerap nilai kerja positif rakyat Jepun.

Sehubungan dengan itu, pembangunan yang dilaksanakan oleh sebuah negara tidak boleh terlepas dari corak budaya yang diamalkan oleh pemimpin dan ahli masyarakatnya. Gerakan-gerakan pembangunan yang dilakukan dengan kaedah-kaedah unik berdasarkan akal budi tempatan menghasilkan sinergi-sinergi unik bersifat paternal sekali gus mendefinisikan bentuk pembangunan negara yang dirancang.

Maka agenda utama penulisan ini adalah untuk cuba menjawab persoalan berikut.

- i. Benarkah akal budi (nilai budaya) tempatan terus mendasari kepemimpinan Mahathir dalam pemerintahannya?
- ii. Apakah kecenderungan nilai dalam pemerintahannya?
- iii. Seterusnya mengaitkan tindakan-tindakan pembangunan ini sebagai nilai-nilai paternal seorang pemimpin dalam memimpin negaranya.

SOROTAN KARYA

Gaya dan watak kepemimpinan yang dihubungkan dengan konsep budaya serta pegangan nilai setempat (*local wisdom*) dalam menerajui pembangunan dilihat masih kurang di kaji. Apatah lagi apabila ia disimpulkan kepada idea *paternalistic leadership* ke atas kepemimpinan tersebut. Pemboleh ubah nilai-budaya (dalam penulisan ini) seperti nilai, norma, sikap, *worldview*, kepercayaan tradisi dan sebagainya dijadikan objek panduan serta analisis kajian. Manakala nilai merupakan inti pati kepada kebudayaan. Nilai berperanan sebagai garis panduan, ikatan, pedoman, ukuran, tindakan, amalan, persepsi, pertimbangan dan sebagainya. Nilai ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Oleh yang demikian, nilai adalah pegangan dan keyakinan yang merupakan asas kepada sesuatu tindakan, khususnya matlamat yang hendak dicapai dalam tempoh tertentu (Mustafa, 1994; Mohd Tap et al., 1993).

Dalam melakukan kajian ini, penulisan telah merujuk kepada satu kajian empirikal yang dilakukan oleh So Young Kim bertajuk *Do Asian Values Exist? Empirical Tests of the Four Dimension of Asian Values* di dalam *Journal of East Asian Studies* 10 (2010). Beliau menyatakan bahawa terdapat empat (4) nilai (dimensi) yang sering di perkatakan apabila membincangkan tentang nilai masyarakat di Asia. Nilai tersebut nilai kekeluargaan (familism), nilai perkauman dan kemasyarakatan (communalism/ communitarianism), nilai berorientasikan kuasa (authority orientation) dan nilai etika kerja (work ethic).

Menurut Farh dan Cheng (2000: 91), *paternalistic leadership* adalah “suatu gaya kepemimpinan yang menggabungkan disiplin, kuasa dan hati budi kebapaan.” Manakala Aycan (2015) menyatakan kepemimpinan kebapaan ini dipraktikkan dalam masyarakat yang kolektif dan mengamalkan kuasa. Ia juga merujuk kepada hubungan antara pemimpin dan pengikut di mana pemimpin menyediakan penjagaan, pengawasan, dan bimbingan kepada pengikut dalam kehidupan profesional dan peribadi mereka melalui cara penjagaan seperti bapa kepada anak dan sebagai gantinya mengharap kesetiaan dan sikap hormat dari pengikutnya. Melalui gaya kepemimpinan ini, ketua atau pemimpin berkemungkinan akan terlibat dalam kehidupan pengikutnya sepertimana yang diharapkan oleh masyarakat yang bersemangat kolektif. Hal ini adalah kerana mereka menganggap bahawa ia menunjukkan salah satu cara bagaimana pemimpin atau ketua itu memberi penjagaan dan juga perlindungan kepada pengikutnya (Jackson, 2016).

Hati budi kebapaan menunjukkan bahawa pemimpin atau ketua secara natural nya ada kebimbangan yang benar terhadap kebajikan pengikutnya. Manakala sebagai pulangnya, pengikut menzahirkan kesetiaan terhadap pemimpinnya disebabkan oleh rasa hormat dan penghargaan yang terbit dalam diri mereka (Jackson, 2016). Gaya kepemimpinan ini masih lagi menjadi amalan dan dilihat efektif dalam kebanyakan budaya perniagaan seperti di Timur Tengah, Asia Pasifik dan Latin Amerika (Farh et al. 2006: Martinez, 2003). Namun, gaya kepemimpinan jenis ini mendapat persepsi yang kurang baik daripada masyarakat Barat, di mana ia dianggap “satu bentuk diskriminasi tersembunyi dan berbahaya” (Colella et al., 2005: 26).

Sorotan-sorotan karya di atas (setakat ini) membenarkan apa yang berlaku pada kepemimpinan Mahathir masa kini. Rakyat Malaysia secara demokrasi telah membenarkan

seorang ahli politik veteran yang telah hampir 15 tahun bersara untuk kembali ke takhta pemerintahan. Sedangkan beliau mewakili parti (BERSATU) termuda yang baru berusia 2 tahun serta bergabung bersama di bawah Pakatan Harapan yang memiliki parti-parti yang lebih berkarisma dan dominan (DAP dan PKR). Apakah penjelasan terhadap kepercayaan rakyat Malaysia terhadap ini semua?!

MAHATHIR DAN SISTEM NILAI

Mahathir Mohamad dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Seberang Perak, Alor Setar Kedah. Beliau merupakan anak bongsu daripada sembilan orang adik beradik. Mahathir menggambarkan kehidupannya awalnya seperti berikut;

“Keluarga saya merupakan golongan kelas menengah rendah dan kami hidup di kawasan yang dikenali sebagai kawasan setinggan pada hari ini. Bapa saya bekerja sebagai seorang guru sekolah dan kemudiannya sebagai seorang juruaudit kerajaan. Beliau mengasuh keluarganya menjadi cukup ortodoks, cukup berdisiplin dan cukup mementingkan pendidikan”

(Mahathir, 1999; hal 15)

Ibu beliau menekankan aspek ajaran Islam sejak kecil. Mahathir mempelajari agama dan Al-Quran dari ibunya sendiri dan guru agama di sekolah. Beliau mengakui bahawa ibunya telah membentuk peribadinya dengan mengajar nilai-nilai yang selama ini beliau pertahankan seperti bersikap sederhana dan tidak mengangkat diri sendiri.

Mahathir mendapat didikan awal (1932) selama dua tahun di Sekolah Melayu sebelum meneruskan pelajaran di sebuah sekolah Inggeris kerajaan yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Beliau sering berada dengan buku-bukunya dan penguasaan Bahasa Inggeris nya sangat baik. Di samping itu beliau mempunyai pengetahuan am yang tinggi kerana di rumahnya banyak buku dan akhbar (Zahidi Zainol Rashid, 1999).

Dalam hal ini, Teori Keperibadian Alfred Adler (1870-1967) menjelaskan bahawa keperibadian seseorang sangat dipengaruhi faktor keturunan, persekitaran dan kreativiti dalam persekitaran. Malah Alfred dalam analisis teorinya menyenaraikan sikap paling dominan anak bongsu sebagai sangat realistik dan ambisi (ghairah untuk mendapatkan sesuatu). Malah dalam bidang psikologi faal (physiological psychology) anak bongsu biasanya dikategorikan sebagai optimis dalam menggapai impiannya tanpa dibayangi rasa takut akan gagal. Mereka lebih berani untuk mengikuti kata hati daripada anak yang lebih tua di dalam keluarganya. Anak bongsu dominan akan mampu melihat sisi positif dari semua hal, mempercayai bahawa semua perkara pasti dapat diselesaikan dan masalah selalu dapat dicari jalan keluarnya.

Kerangka sistem nilai yang dipegang oleh Mahathir diterjemahkan daripada penulisan-penulisannya sebelum diterjemahkan kepada dasar-dasar pembangunan ketika di era kepimpinannya. Melalui akhbar ketika itu beliau meluahkan masalah, menyatakan pendapat dan memberikan cadangan terhadap permasalahan pembangunan khususnya orang Melayu. Buku pertamanya *The Malay Dilemma* (1970) menyatakan kemunduran orang Melayu adalah disebabkan faktor baka dan alam sekitarnya yang mudah. Revolusi Mental (1971) pula mengemukakan punca kemunduran kaum Melayu berpunca daripada kemiskinan jiwa bukannya kemiskinan wang. Mahathir menyenaraikan tujuh belas sikap buruk yang terdapat dalam nilai budaya Melayu, iaitu kurang inisiatif, kurang ingin tahu, lemah fikiran rasional, kurang keaslian, kurang imaginasi, percayakan nasib dan lain-lain. Saranan beliau dalam bukunya untuk mengubah nasib kaum Melayu, mereka mesti mengubah cara berfikir atau merevolusikan mental (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2006).

Mahathir sangat yakin dengan hasil pembangunan infrastruktur berkualiti dari Timur seperti Jepun dan Korea. Jepun dan Korea seringkali dijadikan *role model* untuk Malaysia dengan mewujudkan Dasar Pandang ke Timur (DPT). Ia bukan sahaja memberikan keyakinan ekonomi tetapi juga secara simbolik dan psikologi. “Etika kerja” orang Jepun dan Korea yang memberatkan disiplin, kesetiaan dan ketekunan telah berfungsi sebagai daya penggerak bagi negara yang berkenaan dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Etika kerja ini lahir daripada falsafah yang mengatakan bahawa kumpulan dan negara lebih penting daripada individu.” (Huntington, 2008).

Beliau menampakkan ciri-ciri personaliti setempat, “*insular personality*” sebagai pemikir yang lebih berfokus kepada perspektif dan keperluan tempatan sama seperti mana dengan Jepun, sebuah bangsa dan negara yang digelar “*insular nation*”. Bangsa Jepun berjaya mengekalkan ciri-ciri dan nilai-nilai tempatan sebagai sumber kekuatan mereka dalam menghadapi cabaran ke arah kemajuan (Landes, 2000). Beliau menegaskan bahawa

“...pengalaman saya sendiri sekurang-kurangnya telah mengajar saya bahawa setiap negara di Asia mempunyai hak untuk membangun mengikut acuan mereka sendiri berasaskan identiti dan sejarah sendiri yang unik” (Mahathir, 1999a: 14).

Ketika menjadi Perdana Menteri ke 4, Mahathir secara jelas mahukan asas dan identiti dalam kerangka tempatan dipertahankan untuk mencapai kemajuan. Nilai-nilai agama dan nilai-nilai murni diperkukuhkan supaya tidak kehilangan arah dan pegangan dalam mengejar wawasan pembangunan negara. Beliau mengingatkan bahawa nilai-nilai asing tidak boleh dijadikan ukuran kejayaan masyarakat dan negara. Ini menunjukkan bahawa beliau berpegang kepada kerangka agama yang kukuh dan semangat nasionalisme Melayu yang teguh daripada perspektif tempatan dalam mengharungi cabaran ke arah kemajuan.

Sesetengah nilai-nilai perlu dibuang atas sifat negatifnya dan tidak kompetitif. Malah beliau mengakui menghabiskan banyak masa dalam hidupnya untuk menghapuskan nilai-nilai negatif khususnya dalam masyarakat Melayu. Tidak semua sistem nilai dalam masyarakat itu baik. Sesetengah masyarakat memupuk etika fatalisme tidak berasas, menghormati dominasi, kepuasan diri, kebanggaan diri dan angkuh. Banyak juga menemui ketidaksamaan (kasta), wanita ditindas dan eksploitasi kanak-kanak dalam bentuk fizikal pekerjaan yang teruk (konsep hamba). Terdapat juga masyarakat yang tidak penyayang, membezakan antara anak lelaki dan anak perempuan, tiada perasaan sayang dan hormat; yang lemah, yang cacat. Mahathir hanya realistik dalam menyatakan nilai-nilai tempatan yang baik dan perlu dikekalkan oleh masyarakat Asia sendiri bagi kesinambungan negara.

Setiap masyarakat mesti dibenarkan mencari bentuk dan prosesnya yang terbaik mengikut acuan sendiri. Masyarakat di Asia Timur mempunyai set-set nilai yang tersendiri dalam membangun dan menguruskan masyarakat serta negara dengan caranya tersendiri tanpa perlu dipaksakan dengan nilai-nilai luar khususnya dari Barat. Dalam hal ini Mahathir menyatakan;

“Nilai-nilai Asia adalah nilai-nilai Asia. Nilai-nilai Amerika adalah nilai-nilai Amerika. Kedua-duanya boleh bertemu dan dari pertemuan tersebut mungkin wujud satu persefahaman dan penghargaan terhadap kebijaksanaan pihak lain dan mudah-mudahan akan wujud percantuman antara segala nilai yang baik dan penolakan terhadap nilai yang jahat atau durjana. Biarlah kita akui bahawa tiada sesiapa pun mempunyai monopoli terhadap kebijaksanaan.”

(Mahathir, 2003; hal 134)

Walau bagaimanapun dalam konteks hari ni, kerangka nilai, agama dan semangat nasionalis Melayu itu diterjemahkan Mahathir dengan genre yang berbeza. Beberapa pandangan dan tindakan beliau dilihat menipis serta dalam mode tolak ansur yang tinggi. Sebagai Perdana Menteri ke 7 beliau memimpin sebuah kerajaan dengan pelbagai komponen parti politik (Pakatan Harapan) yang mempunyai dasar ideologi berbeza berbanding komponen parti politik (Barisan Nasional) ketika menjawat Perdana Menteri ke 4. Di sinilah kredibiliti dan kebapaan Mahathir sebagai negarawan ditagih dan terserlah dengan jayanya.

METODOLOGI KAJIAN

Wilson dan Arnold (1964) dalam Abdul Mua'ti (2007) menyatakan “ucapan ialah ilham yang dicetuskan, disalurkan dan diluahkan melalui pemikiran, suara dan gerakan tubuh badan yang merangsang audiens dan pengucap sendiri yang ada kalanya mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tindakan seterusnya”.

Penulisan ini cuba menelusuri teks ucapan Mahathir sebagai pengaruh dan sokongan terhadap pernyataan serta agenda nilai yang cuba di utarakan. Perspektif-perspektif paternal cuba difahami dan dikenal pasti melalui akal budi tempatan yang ditonjolkan khusus dalam empat (4) nilai yang cuba di lihat.

Berikut adalah Dokumen Teks Ucapan Mahathir seperti pada Jadual 1.

Jadual 1: Dokumen Teks Ucapan Mahathir

Bil	Kod	Dokumen Teks Ucapan / Tajuk	Jenis Teks	Tarikh / Tempat
1.	S1	Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga JPM Bagi Bulan Mei 2018	Perjumpaan Bulanan Bersama Penjawat Awam	21 Mei 2018 / Dataran Perdana Bangunan Perdana Putrajaya
2.	S2	Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga JPM Bagi Bulan Julai 2018		09 Julai 2018 / Dataran Perdana Bangunan Perdana Putrajaya
3	S3	Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga JPM Bagi Bulan Ogos 2018		13 Ogos 2018 Dataran Perdana Bangunan Perdana Putrajaya

Bil	Kod	Dokumen Teks Ucapan / Tajuk	Jenis Teks	Tarikh / Tempat
4	S4	Perutusan Hari Raya Aidil Fitri 1439 Hijrah	Perutusan Hari Raya	14 Jun 2018/ Pejabat Perdana Menteri
5	S5	24 th International Conference on The Future of Asia, Japan / How To Achieve Prosperity and Stability	Seminar Antarabangsa	11 Jun 2018 / Tokyo
6.	S6	Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018	Ucapan Kemerdekaan	04 Ogos 2018/ Padang Kota Lama Pulau Pinang
7.	S7	Perutusan Khas Hari Kebangsaan 2018	Ucapan Kemerdekaan	31 Ogos 2018/ Putrajaya Malaysia

Tidak begitu banyak teks ucapan yang dapat di analisis disebabkan kekangan waktu penulisan ini di samping kecenderungan Mahathir pada awal pemerintahan yang cenderung menyampaikan maklumat dan aspirasi secara langsung melalui soal jawab media. Namun 7 teks ucapan telah dipilih dan ia difikirkan mencukupi bagi hasrat penulisan ini.

Teks ucapan yang dipilih dan menjadi fokus kajian ini ialah i) Teks Ucapan Perjumpaan Bulanan Bersama Penjawat Awam (S1-S3), ii) Teks Perutusan Hari Raya (S4) dan iii) Teks Ucapan Kemerdekaan (S6-S7). Ketiga-tiga teks juga merupakan teks rasmi yang boleh diakses dan luas liputannya kepada masyarakat dan pelaksana dasar serta konsisten penyampaiannya dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun penulis telah menambah 1 teks ucapan (S5) yang berada di luar konteks audiens (Seminar Antarabangsa) dengan mengandaikan ia signifikan dengan penulisan ini dan mampu memperkukuhkan dapatan penulisan.

Bacaan kali pertama dilakukan kepada setiap teks ucapan bagi membiasakan pengkaji dengan gaya bahasa, kaedah penyampaian serta memahami keseluruhan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh Mahathir di dalam teks ucapannya. Kemudian bacaan kali kedua dilakukan untuk mengenal pasti perenggan ucapan yang mempunyai “nilai pembangunan” terkait dengan “Akal Budi Tempatan” (local wisdom). Perkara yang terpenting pada tahap ini adalah dengan mengklasifikasikan nilai berdasarkan Dimensi Nilai yang telah ditetapkan. Manakala bacaan kali ketiga pula mengkhusus kepada perenggan-perenggan yang telah dikenal pasti dan diklasifikasikan Dimensi Nilai dan “Nilai Pembangunan” nya. Ia diulang baca bagi memastikan klasifikasi Dimensi Nilai yang telah ditetapkan sebelum ini (bacaan kedua) adalah tepat dan sesuai dengan maksud keseluruhan ucapan yang ingin disampaikan.

RANGKAIAN DAN PETIKAN TEKS UCAPAN

Jadual 2 menunjukkan analisa kecenderungan memusat setiap teks ucapan Mahathir (S1 hingga S7) kepada setiap nilai yang menjadi tumpuan pada kajian ini. Ia di definisikan sebagai Dimensi Nilai (D_E, D_P, D_E dan D_K). Terdapat tujuh (7) teks ucapan Mahathir yang meliputi tiga (3) rangkaian ucapan.

Jadual 2: Taburan Kecenderungan Rangkaian Dan Petikan Teks Ucapan Mahathir Kepada Dimensi Nilai

Teks		Perjumpaan Bulanan Penjawat Awam				Teks		Perutusan Hari Raya / Seminar/ Ucapan Bulan Kemerdekaan			
Kod	D _B	D _P	D _E	D _K	Jum	Kod	D _B	D _P	D _E	D _K	Jum
S1	3	3	9	1	16	S4	2	3	2	5	12
S2	3	1	10	0	14	S5	5	4	1	0	10
S3	0	5	9	0	14	S6	4	5	5	0	14
						S7	5	5	7	1	18
Jum	6	9	28	1	44	Jum	16	17	15	6	54
Jumlah Keseluruhan							22	26	43	7	98

Petunjuk :

D_B = Dimensi Berorientasikan Kuasa

D_P = Dimensi Perkauman/Kemasyarakatan

D_E = Dimensi Etika Kerja

D_K = Dimensi Kekeluargaan


Berdasarkan kepada Jadual Taburan Kecenderungan di atas, sebanyak 98 kali petikan teks yang terkait dengan Dimensi Nilai telah dikenal pasti. Rangkaian Teks Perjumpaan Bulanan Penjawat Awam (S1 hingga S3) mencatatkan petikan Dimensi Nilai yang konsisten tinggi dengan purata 14.6 petikan teks dimensi nilai bagi setiap teks. Ini kerana rangkaian petikan teks ini merupakan petikan teks yang mempunyai nilai yang sangat formal ditujukan khusus kepada penjawat awam peringkat tertinggi dan paling hadapan. Ia menggambarkan harapan dan aspirasi Mahathir kepada penjawat awam sebagai pelaksana dasar di Putrajaya.

Manakala teks S4 mempunyai petikan teks Dimensi Nilai yang relatif rendah (12 petikan) kerana teks tersebut mempunyai mesej ringan dalam pelbagai suasana santai menyambut perayaan. Namun petikan teks S5 memeranjatkan apabila mencatatkan jumlah petikan teks yang paling rendah di antara semua teks yang di analisis. Penulis pada mulanya mengandaikan teks S5 akan menyumbang jumlah petikan besar terkait dengan Dimensi Nilai. Ini kerana S5 bersifat penyampaian di sebuah konferensi antarabangsa di Tokyo Jepun. Walau bagaimanapun jangkaan ini meleset kerana dalam 100 hari pemerintahan, strategi ucapan Mahathir adalah untuk menyampaikan mesej positif kepada dunia. Beliau dengan bersungguh-sungguh memberitahu senario Malaysia Baharu serta pendirian negara terhadap hubungan pelbagai hala yang melibatkan blok dunia dan kuasa besar. Mahathir tidak begitu teruja menyampaikan agenda-agenda pembangunan dengan keseriusan terhadap nilai-nilai. Ada tetapi tidak begitu kerap.

Nilai-nilai patriotisme dan nasionalisme dalam konteks kemerdekaan banyak dihalakan kepada teks S6 dan S7. Oleh yang demikian kedua-dua teks ini memperoleh jumlah petikan teks yang tinggi iaitu masing-masing dengan 14 dan 18 petikan teks. Malah petikan teks S7 merupakan petikan teks yang tertinggi di antara ketujuh-tujuh teks yang dianalisis. Bolehlah di tafsirkan bahawa teks Ucapan Kemerdekaan menjadi medan terbaik untuk Mahathir menyampaikan agenda pembangunan dengan nilai-nilai berkesan di samping rangkaian teks Perjumpaan Bulanan Penjawat Awam.

AGENDA NILAI MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI KE 7

Berikut Rajah 1 adalah analisis kecenderungan petikan teks Mahathir kepada setiap Dimensi Nilai kajian.



Rajah 1: Kecenderungan Petikan Teks Mahathir Kepada Dimensi Nilai

Berdasarkan kepada Rajah 1 di dapati bahawa petikan teks ucapan Mahathir sangat dominan dengan Dimensi Nilai “Etika Kerja”. Sebanyak 43 petikan teks telah dikenal pasti mengandungi elemen dimensi nilai tersebut. Dimensi Nilai “Perkauman @ Kemasyarakatan” pula mengikut pada tangga kedua dengan 26 petikan teks secara keseluruhannya. Seterusnya Dimensi Nilai “Berorientasikan Kuasa” menduduki tangga ketiga dengan 16 petikan teks manakala Dimensi Nilai “Kekeluargaan” menduduki tempat terakhir dengan hanya 7 petikan teks sahaja.

Bagi pengkaji Mahathir, tidak sukar untuk menjangkakan Dimensi Nilai “Etika Kerja” khususnya dan akal budi tempatan am nya menjadi elemen yang mendominasi teks ucapan Mahathir. Sama ada ketika menjadi Perdana Menteri ke 4 mahupun Perdana Menteri ke 7 Mahathir konsisten dengan idea nilainya walaupun dalam platform yang berbeza-beza. Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Anuar Ibrahim pada 15 September 2018 yang lepas di Singapura menyatakan

"Mahathir adalah Mahathir...tegas, berterus terang, provokatif, tidak bermain dengan kata-katanya. Baik, kita semua faham beliau, tetapi adakah beliau komited untuk reformasi? Beliau telah menjelaskan bahawa Malaysia mesti muncul sebagai demokrasi.

(Sinar Harian Online, 2018)

Ia sekali gus meneruskan kerja-kerja pembangunan di Malaysia dengan jayanya. Mahathir di tahun 2018 menerima teraju kepimpinan dalam keadaan yang dramatik. Warisan kerajaan terdahulu yang dikatakan meninggalkan nilai-nilai kleptokrasi dilihat membebani agenda pembangunan. Ia dilihat jauh lebih sukar berbanding ketika beliau mewarisi nya pada tahun 1981. Mahathir dalam perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada Mei 2018 yang lepas menyatakan:

Saya harap dengan pertukaran kerajaan ini, kita dapat memperbaiki masalah yang dihadapi oleh negara terutama masalah kewangan. Kita yakin kita boleh atasi masalah ini. Tetapi kita perlu kepada pentadbiran yang cekap, efisien dan amanah. Itu sahaja

harapan saya dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana mendapat peluang ini untuk menjelaskan sedikit sebanyak tentang pendirian kerajaan baharu yang kita telah pilih baru-baru ini.

(Mahathir, 2018)

Konsistensi pendapat dan nilai serta kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada beliau menjelaskan secara total nilai paternal yang ada pada dirinya. Malah dalam hujah-hujah lainnya *paternalistic leadership* ini mampu menterjemahkan apa yang diperkatakan sebagai *paternalistic state*. Kesemua “nilai Asia” yang ditakrif dan diciptakan pemimpinnya menjadi alat yang berguna untuk mengesahkan mereka sebagai *paternalistic state*, membawa pembangunan ekonomi yang pesat dan mampu menyesuaikan diri dengan dunia yang berubah-ubah (Han, 1999)

Dasar pembangunan yang paling signifikan dengan Dimensi Nilai “Etika Kerja” ialah Dasar Pandang Ke Timur (*Look East Policy*) yang telah diperkenalkan pada 8 Februari 1982. Ia dilihat sebagai muncul semula pada fasa kedua pada masa kini. Ramai bertanggapan ia adalah untuk membawa lonjakan dalam ekonomi negara khususnya untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) Jepun dan keyakinan ke atas syarikat Jepun untuk beroperasi di Malaysia sedangkan ia adalah gabungan tiga elemen iaitu dari sudut simbolik, ekonomi dan psikologi walaupun berbeza sejarah, nilai sosial dan budaya. Konsep Malaysia dan Dasar Pandang ke Timur jelas - membangun satu sistem nilai, budaya kerja dan etika yang akan membuahkan kejayaan; kerana ia juga adalah maruah diri dan demi negara. Masing-masing akan merasa malu (sense of shame) jika gagal untuk mencapai matlamat akhir dengan keputusan yang memberangsangkan kerana ia adalah soal reputasi diri (Sivamurugan Pandian, 2018).

KEMUNCAK PENERAPAN NILAI OLEH SEORANG FATHER LEADERSHIP

Mahathir sangat menegaskan pegangan nilai hidup yang mulia. Sekali gus pegangan nilai ini sangat bergantung kepada akal budi nilai setempat yang mendasari sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian dalam banyak perkara beliau ”memanipulasi” akal budi tempatan khususnya nilai Melayu Islam. Dalam banyak hal, nilai ini merupakan nilai yang universal yang boleh dikongsi bersama oleh semua.

Budaya bekerja dengan cukup kuat dan tidak menghabiskan masa dengan sia-sia sentiasa diberikan penekanan oleh beliau dalam banyak ucapannya. Bekerja bukan semata-mata untuk upah tetapi kerana bangga dengan hasil kerja dalam rantai menyumbang kepada pemulihan negara adalah sesuatu yang dihasratkan oleh beliau. Mahathir merangkumkan nya sebagai semangat patriotisme. Menurut beliau lagi;

Saya telah sebut berkali-kali bahawa orang Jepun ini mempunyai perasaan malu yang amat kuat. Tetapi mereka bukan berasa malu seperti kita berasa malu. Kita berasa malu kalau kita menjadi miskin ataupun tidak dapat sesuatu. Bagi mereka, perasaan malu ini datang apabila mereka gagal melaksanakan sesuatu dengan sebaik mungkin. Tetapi apa yang berlakuperasaan malu mereka ini ialah setiap sesuatu yang mereka lakukan, hendaklah yang terbaik mungkin.

(Mahathir, 2018)

Ketika dalam tempoh persaraannya (2003-2018), Mahathir tidak pernah duduk diam. Walaupun dalam beberapa keadaan teguran dan nasihatnya diabaikan oleh beberapa pihak, beliau tidak putus-putus menerima undangan dari dalam dan luar negeri untuk memberikan pandangan (nasihat dan panduan) tentang kepimpinan dan kehidupan bernegara. Malah pengiktirafan serta anugerah seperti Ijazah Kedoktoran Kehormat

sering diterimanya dari seluruh institusi pendidikan dunia. Mengambil kata beliau yang terkini:

“.....selama 15 tahun tanpa henti, saya telah ditugaskan oleh orang Jepun untuk mengajar anak-anak Jepun yang berumur belasan tahun di Fukoka, Jepun tentang budaya Jepun. Ini adalah kerana anak muda Jepun masih keliru. Mereka lihat dalam diri, budaya yang berlainan sama sekali daripada budaya yang disampaikan oleh ibu bapa mereka”

(Mahathir, 2018)

Mahathir sebagai ketua eksekutif untuk memimpin sebuah kabinet yang secara rata-ratanya masih baru dan tidak berpengalaman. Ia memberikan ancaman dari luar mahupun dalaman. Mahathir perlu membimbing ahli kabinet yang dulunya berminda pembangkang kepada acuan baru dengan bermindakan sebuah kerajaan. Kerajaan beliau mungkin berdepan ancaman menteri kabinet yang mensabotaj kerajaan sendiri kerana kejahilan, tamak kuasa dan ketiadaan fokus. Akhirnya kabinet Mahathir berhadapan risiko hilang kepercayaan rakyat khususnya yang mengundi mereka. Dalam hal ini, bimbingan kebaapaan (paternal) sangat penting dilakukan.

"Sekolah ada tapi tak formal, kita tak masukkan mereka dalam kelas. Tapi ada usaha untuk meningkatkan kebolehan mereka melalui kursus yang akan diadakan di Intan (Institut Tadbiran Awam Negara). Kita nak beritahu apa yang boleh dilakukan dan apa yang tak boleh.

"Macam mana nak jadi menteri yang terbaik. Itu semua kita akan cuba sampaikan kepada mereka, memang ada dalam perancangan kita,"

(Bicara Minda, 2018)

Malah beliau sehingga penulisan ini dilakukan masih dikatakan tidak berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi barisan jemaah menteri sejak dilantik memegang portfolio masing-masing walaupun di katakan cepat belajar. Mahathir memberikan kad prestasi dengan nilai 40 hingga 50 peratus keseluruhan sahaja. Menurut beliau;

"Saya tidak pernah berpuas hati. Kalau boleh, apa yang saya hendak (sesuatu yang telah diarahkan), telah dibuat kelmarin, bukan hari ini,"

(Utusan Malaysia, 2018)

Dalam 100 hari pemerintahan, Mahathir memulakan semula apa yang tertangguh pada tahun 2003 ketika beliau tamat menjadi Perdana Menteri ke 4. Mahathir berusaha sekali lagi untuk menyemai nilai hidup yang mulia di kalangan masyarakatnya. Menurut beliau (mungkin) bagi dewasa penyemaian ini sukar dilakukan kerana mereka sudah serap nilai hidup yang lama tetapi bagi anak-anak ia harus dilakukan seberapa segera. Mahathir membawa nilai etika kerja kepada satu tahap yang lain apabila beliau mula mengangkatnya sebagai satu polisi budaya. Menurut Mahathir;

“bagi anak-anak kita yang belasan tahun, mereka perlu disemai dengan nilai hidup yang mulia supaya negara kita terkenal sebagai negara yang bekerja kuat, tidak mungkir janji dan tidak meminta upah yang lebih sebaliknya menunggu kepada daya dan kualiti keluaran kita yang tinggi.”

(Mahathir, 2018)

Sehingga kini Malaysia masih memerlukan “seorang tua” untuk memimpin, memberi panduan dan nasihat. Apa yang perlu dan apa yang tidak perlu dilakukan oleh rakyat

Malaysia masih (seperti) diperincikan oleh kepimpinannya. Sekali gus Mahathir dilihat sebagai *Father Leadership* atau *Paternalistic Leadership* paling jelas dalam konteks bernegara. Memetik kata Han (1999) bahawa kesemua “nilai Asia” yang ditakrif dan diciptakan pemimpinnya menjadi alat yang berguna untuk mengesahkan mereka sebagai *paternalistic state*, membawa pembangunan ekonomi yang pesat dan mampu menyesuaikan diri dengan dunia yang berubah-ubah.

KESIMPULAN

Mahathir secara jelas (walaupun boleh di usahkan dengan kaedah lain) melihatkan kepimpinan dengan gaya paternal. Beliau mengurus masyarakat mereka seperti anak sendiri yang perlu dikembangkan potensi dan bakatnya dalam pembangunan. Sebagai tradisi bapa yang membimbing dalam budaya Timur, Mahathir wajar dihormati dan kehormatan itu diraih dan di dapatkan. Dalam beberapa keadaan beliau hampir tidak boleh dipertikaikan dan sentiasa mempunyai alasan yang konkrit untuk melakukan sesuatu tindakan ke arah pembangunan masyarakat. Sikap melindungi masyarakat menyebabkan mereka jarang-jarang memberikan kesempatan kepada masyarakat untuk mengambil keputusan sendiri dan telah menyediakan tindakan-tindakan pembangunan yang harus diambil. Kadangkala rakyat tidak diberikan peluang untuk berinisiatif sendiri kecuali dalam tindakan-tindakan yang telah dipersetujui bersama. Dalam perspektif yang lain mereka dilihat autokratik dengan ego yang dilindungi oleh institusi dan undang-undang.

Sebagai seorang yang realistik, pragmatik dan “*Father Know Best*” (kebapaan), Mahathir sangat risaukan masa depan masyarakatnya yang relatif muda dari segi minda. Masyarakat harus sentiasa mempertahankan apa yang telah mereka peroleh iaitu kemerdekaan. Untuk mempertahankannya masyarakat diminta tidak mengulangi kesilapan yang lama dan mengubah sikap dan nilai kompetitif tanpa meninggalkan kerangka akal budi sendiri.

Pemugaran demokrasi perlu tetapi harus terkawal dan pandai di kawal. Nilai-nilai liberal itu sendiri harus dikawal dengan kembali kepada nilai-nilai positif Asia. Demi kelangsungan negara, Mahathir memilihkan nilai-nilai terbaik untuk masyarakatnya. Mahathir seakan-akan perlu menilai semula hak-hak rakyat dalam erti kata keperluan yang sebenarnya. Kejayaan pembangunan negara yang lepas membuktikan segala-galanya. Jika dulunya beliau menerajui negara ke arah pembangunan yang amat pantas dengan kemakmuran di segenap lapisan masyarakat maka sekarang beliau perlu mengusahakannya semula dengan cabaran berbeza.

Sama ada suka atau benci, memuja atau mengeji, Mahathir lah seorang pemimpin yang diberi kepercayaan semula untuk memimpin Malaysia. Beliau pula sebagaimana yang dahulu, masih percaya bahawa pelaksanaan pembangunan yang lebih baik dapat dilakukan jika menggunakan acuan sendiri berteraskan nilai akal budi tempatan. Memetik kata beliau untuk kesian kalinya di hadapan seluruh penjawat awam pada Ogos 2018 yang lepas;

whether you succeed or fail, depends on your culture!!

BIBLOGRAFI

- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. (2009). *Amanat Presiden Demi Agama, Bangsa dan Negara 1981-2003 Tun Dr Mahathir Mohamad*. Subang Jaya: Berita Publishing.
- Abdul Mua'ti. (2007). *Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Fawzi Basri dan Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Dilema Melayu: Satu Kupasan Pemikiran Tun Dr. Mahathir Tentang Permasalahan Melayu*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP). 21-22 April 2002. Melaka.
- Dusuki Ahmad. (2004). *Pembaharuan Pemikiran Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur. RD Network Sdn Bhd.
- Francis Fukuyama. (2009). *Penamat Sejarah dan Manusia Terakhir*. (Penterjemah: Shamsiah Md Said). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hashim Makaruddin. (Editor). (2003). *Politik, Demokrasi dan Asia Baru (Ucapan Pilihan Dr. Mahathir Mohamad)*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hilley, J. (2008). *Malaysia: Mahathirism, Hegemony dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia.~
- Idris Aman. (2006). *Analisis Wacana Mahathir Mohamed*. Bangi. Penerbit UKM.
- Jomo K.S. (2010). *Warisan Ekonomi Mahathir*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Khairul Azman Mohd Suhaimy. (2009). *Pemikiran Pembangunan Berteraskan Sistem Nilai Budaya Kajian Terhadap Pendekatan Dr. Mahathir Mohamad 1981-1986*. Thesis PhD. Universiti Utara Malaysia.
- Kim, S.U.(1988). The role of social values and competitiveness in economic growth: With special reference to Korea, in Sinha, D&Kao, S.H.R. (Eds),
- Mahathir, M. (1999). *Kebangkitan Semula Asia*. Kelana Jaya: Pelanduk Publication
- Mahathir, M. (2012). *Doktor Umum: Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2011). *Pembangunan Islam di Malaysia Dalam Era Mahathir*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM
- Mohd Tap Salleh, Zakaria Ahmad dan Syed Zulflida Syed Mohd Noor. Penyunting. (1993). *Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Pejabat Perdana Menteri Putrajaya. (2018). *Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif: Tun Dr Mahathir Mohamad*. Dicapai dari Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?t=1984&b=01&m=s&p=mahathir>

Ramlah Adam. (2004) ed. *Pemikiran Tun Dr Mahathir*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Graha IKSEP

Raja Hisyam Raja Zaid (2018). *Kad prestasi: Tun M beri markah 40-50%*

kepada menteri baharu. Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kad-prestasi-tun-m-beri-markah-40-50-kepada-menteri-baharu-188862>

_____ (2018) *Dr. Mahathir Tidak Puas Hati Prestasi Kabinet*. Utusan Malaysia di capai dari : <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/dr-mahathir-tidak-puas-hati-prestasi-kabinet-1.743609>

_____ (2018). *Kerajaan akan 'sekolahkan' menteri - Tun M:*

Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-akan-sekolahkan-menteri-tun-m-188970>